

## Proses Pendaftaran

# Allianz Junior Badminton Championship (AJBC) 2026

1. Peserta boleh melayari laman web [www.allianz.com.my/ajbc](http://www.allianz.com.my/ajbc) dan klik butang "Borang Pendaftaran" untuk mengisi borang pendaftaran atas talian. Peserta juga boleh menghubungi Penyelaras Pusingan Kelayakan, En. Akbar di 011-3234 7043 untuk sebarang pertanyaan.
2. Peserta hendaklah membaca dan memahami peraturan kejohanan dan memastikan mereka layak untuk mengambil bahagian sebelum menghantar borang pendaftaran secara dalam talian.
3. Penyelaras Pusingan Kelayakan akan berkongsi borang pendaftaran dengan pasukan teknikal bagi tujuan pengumpulan penyertaan mengikut kumpulan umur dan kategori pertandingan masing-masing.
4. Pasukan teknikal akan menyemak borang pendaftaran untuk memastikan semua maklumat adalah lengkap dan teratur.
5. Pasukan teknikal akan menapis pemain yang tidak layak untuk menyertai AJBC, seperti pemain dari Akademi Badminton Malaysia (ABM) dan Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ), serta individu yang bukan warganegara Malaysia.
6. Pasukan teknikal akan menjalankan cabutan dan menyediakan jadual pertandingan akhir berdasarkan kumpulan umur dan kategori yang dipertandingkan.
7. Pihak Allianz akan menghubungi peserta yang berjaya dan peserta yang tidak berjaya mendaftar untuk AJBC 2026 melalui emel dalam tempoh dua (2) hingga tiga (3) minggu selepas pendaftaran dihantar.
8. Peserta juga boleh menyemak senarai nama pemain yang berjaya mendaftar serta jadual pertandingan di <https://az.my/AJBC2026-jadual>.
9. Peserta dikehendaki untuk melengkapkan Surat Persetujuan (*Consent Form*) dan membawa salinan cetak Surat Persetujuan yang lengkap dengan tandatangan ibu bapa/ penjaga pada hari pertama Kejohanan.
10. Pada hari pertama Kejohanan, pemain perlu membawa kad pengenalan bagi tujuan pengesahan identiti dan menyerahkan salinan cetak Surat Persetujuan yang lengkap dengan tandatangan ibu bapa/ penjaga.
11. Jersi pertandingan akan diberikan kepada pemain selepas semua proses seperti yang dinyatakan dalam Perkara 9 & 10 selesai .

[Kemas kini pada 1 April 2026]